

NO. SOALAN: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS(2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN**

**: LISAN**

**DARIPADA**

**: YB DATO' ABDL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR]**

**TARIKH**

**: 16 MEI 2016 [ ISNIN ]**

**SOALAN** :

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan kewangan Tabung Haji dan setakat mana keyakinan pendeposit dalam urus-tadbir Tabung Haji kini.

**JAWAPAN** :

**(YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah kukuh dan baik. Prestasi kewangan **TH** berada dalam keadaan baik disokong oleh aset-asetnya yang kukuh termasuk peratusan mudah tunai yang tinggi. Prestasi cemerlang **TH** serta pemberian subsidi haji dan bonus kepada pendeposit saban tahun membuktikan kekuahan kedudukan kewangan **TH**.

Prestasi kewangan **TH** pada 31 Disember 2015, merekodkan pendapatan sebanyak RM4.47 bilion dan keuntungan bersih selepas zakat mencecah RM3.53 bilion. Sumber utama pendapatan **TH** merangkumi pelaburan ekuiti (55 peratus), pelaburan sekuriti hutang (16 peratus), pasaran wang dan instrumen kewangan lain (10 peratus), dan sewaan, pembiayaan serta lain-lain (19 peratus).

Sesungguhnya **TH** sentiasa diurus tadbir dengan baik dan berhemat. **TH** juga memberi jaminan kepada para pendepositnya bahawa simpanan mereka di **TH** adalah selamat seratus peratus. Para pendeposit tidak perlu risau kerana simpanan di **TH** dijamin oleh kerajaan, sebagaimana yang termaktub dalam Akta Tabung Haji. **TH** juga sentiasa berada di landasan yang betul dan tidak tersasar daripada matlamat asal penubuhannya dalam membantu umat Islam di Malaysia menuai Rukun Islam ke-5.

Keyakinan para pendeposit ini dapat dilihat berdasarkan bilangan dan jumlah dana pendeposit yang meningkat pada setiap tahun. Sehingga kini, bilangan pendeposit **TH** mencecah 8.8 juta dan dana pendeposit hampir RM63 bilion, berbanding pada 2006 yang mana bilangan pendeposit **TH** adalah 5.2 juta dan dana pendepositnya berjumlah RM14.7 bilion.

Yang menariknya, walaupun dicelah-celah tohmohan yang dilemparkan terhadap institusi ini, **TH** masih mencatatkan peningkatan dalam jumlah pendepositnya, dimana jumlah pendeposit baharu berjumlah 24,984 orang pada April 2016 dan ini menjadikan jumlah pendeposit baharu **TH** dalam tempoh Januari hingga April tahun ini berjumlah 111,329 orang.

Walau bagaimanapun, **TH** perlu membuat persediaan yang rapi bagi mengharungi cabaran ekonomi semasa dan masa hadapan agar **TH** lebih berdaya saing untuk menghadapi situasi berkenaan.

Sekian, terima kasih.